

***Pengendalian
dan
Pengurusan***

***Kesehatan
Mental
Pelajar***



**Pengendalian
dan
Pengurusan
Kesehatan
Mental
Pelajar**

Disediakan oleh
Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan
Mental UiTM

Diluluskan oleh
Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti
Bilangan 01/2024,
bertarikh 17 Januari 2024

Ketua Editor
Nurfazlinda Md Shah

Pembaca Pruf/Penyunting Bahasa
Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin

Pengendalian dan Pengurusan Kesihatan Mental Pelajar



Universiti Teknologi MARA

PENERBIT  **PRESS**
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

© Penerbit UiTM, UiTM 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. E-mel: penerbit@uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Pereka Kulit Buku: Arif Zulhimi Mohd Zin
Pereka Letak: Muhammad Noor Haikmal M Satar

Dicetak di Malaysia oleh: Pusat Percetakan UiTM
Kolej Pengajian Seni Kreatif
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

Isi Kandungan

PRAKATA I

PRAKATA II

PRAKATA III

PENGHARGAAN

SINGKATAN

1.0 PENGENALAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

1.2 OBJEKTIF

1.3 PELAN TINDAKAN KESIHATAN MENTAL UITM

1.3.1 ASAS PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

1.3.2 INTERVENSI BERSEPADU

1.4 SKOP

2.0 DEFINISI ISTILAH

3.0 GARIS PANDUAN PROSEDUR PENGENDALIAN KES

KESIHATAN MENTAL MENGIKUT BAHAGIAN

3.1 KAWASAN DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj) UMUM

3.1.1 PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB

3.1.2 SENARAI PENYEDIA DOKUMEN

3.1.3 TUJUAN

3.1.4 FUNGSI DAN PERANAN

3.1.5 PROSES KERJA DAN CARTA ALIR

3.2 KOLEJ PENGAJIAN/ FAKULTI/ PUSAT AKADEMIK

3.2.1 PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB

3.2.2 SENARAI PENYEDIA DOKUMEN

3.2.3 TUJUAN

3.2.4 FUNGSI DAN PERANAN

3.2.5 PROSES KERJA DAN CARTA ALIR

3.3 KOLEJ KEDIAMAN DAN NON RESIDEN (NR)

3.3.1 PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB

3.3.2 SENARAI PENYEDIA DOKUMEN

3.3.3 TUJUAN

3.3.4 FUNGSI DAN PERANAN

3.3.5 PROSES KERJA DAN CARTA ALIR

VII

VIII

IX

X

XIV

1

1

2

2

3

3

6

7

12

12

12

12

12

12

13

18

18

18

18

18

19

23

23

23

23

23

24

3.4	POLIS BANTUAN	30
3.4.1	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	30
3.4.2	SENARAI PENYEDIA DOKUMEN	30
3.4.3	TUJUAN	30
3.4.4	FUNGSI DAN PERANAN	30
3.4.5	PROSES KERJA DAN CARTA ALIR	31
3.5	PUSAT/ UNIT KESIHATAN	37
3.5.1	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	37
3.5.2	SENARAI PENYEDIA DOKUMEN	37
3.5.3	TUJUAN	37
3.5.4	FUNGSI DAN PERANAN	37
3.5.5	PROSES KERJA DAN CARTA ALIR	38
3.6	PUSAT/ UNIT KERJAYA DAN KAUNSELING	41
3.6.1	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	41
3.6.2	SENARAI PENYEDIA DOKUMEN	41
3.6.3	TUJUAN	41
3.6.4	FUNGSI DAN PERANAN	42
3.6.5	PROSES KERJA DAN CARTA ALIR	43
3.7	HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UiTM/ LAIN-LAIN	
	HOSPITAL/ PUSAT PERUBATAN	46
3.7.1	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	46
3.7.2	SENARAI PENYEDIA DOKUMEN	46
3.7.3	TUJUAN	46
3.7.4	FUNGSI DAN PERANAN	46
3.7.5	PROSES KERJA DAN CARTA ALIR	47
3.8	BAHAGIAN/ UNIT HAL EHWAL ISLAM	50
3.8.1	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	50
3.8.2	SENARAI PENYEDIA DOKUMEN	50
3.8.3	TUJUAN	50
3.8.4	FUNGSI DAN PERANAN	50
3.8.5	PROSES KERJA DAN CARTA ALIR	51
4.0	BIBLIOGRAFI	53
5.0	LAMPIRAN	54
6.0	DIREKTORI	68

Prakata I

Datuk Profesor Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin
Naib Canselor Universiti Teknologi MARA
(Penasihat JK Pengurusan Kesihatan Mental UiTM)



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku *Pengendalian dan Pengurusan Kesihatan Mental Pelajar*, Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini berjaya diterbitkan.

Masalah kesihatan mental adalah antara isu kesihatan awam yang sangat penting dan merupakan masalah kesihatan kedua terbesar dialami rakyat Malaysia selepas penyakit jantung. Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (2015) melaporkan bahawa setiap satu (1) dari tiga (3) orang dewasa yang berumur 16 tahun ke atas di Malaysia mengalami salah satu bentuk masalah kesihatan mental. Tidak dapat dinafikan bahawa isu kesihatan mental adalah antara faktor utama yang boleh menjejaskan kesejahteraan fizikal dan sosial seseorang individu. Justeru, isu ini perlu dipandang serius kerana boleh memberi pelbagai kesan negatif kepada pembangunan sesebuah komuniti dan negara.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan Mental UiTM kerana telah mengambil inisiatif yang amat baik untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan mental di UiTM dengan menerbitkan buku ini. Usaha ini selaras dengan hala tuju Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menjadikan rakyat Malaysia sihat dari segi mental, fizikal dan spiritual serta turut menyokong Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goal* yang dirancang oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, iaitu SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan. Usaha ini juga turut mendukung aspirasi UiTM sebagai *Globally Renowned University* (GRU 2025) iaitu menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025.

Penerbitan buku ini juga merupakan satu tanda pemahaman, penerimaan dan penghormatan pihak UiTM terhadap permasalahan kesihatan mental yang signifikan dan penting untuk ditangani bersama.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua pihak, dan dijadikan rujukan serta panduan asas bagi memastikan pelaksanaan segala urusan berkaitan perkhidmatan kesihatan mental di UiTM adalah cekap, komprehensif dan berkualiti.

Sekian, terima kasih.



Prakata II

Profesor Dr. Hj. Mohd. Sazili bin Shahibi

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

Universiti Teknologi MARA

(Pengerusi JK Pengurusan Kesihatan Mental UiTM)



Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia—Nya buku *Pengendalian dan Pengurusan Kesihatan Mental Pelajar*, Universiti Teknologi MARA (UiTM) ini berjaya diterbitkan.

Lanjutan daripada peningkatan masalah kesihatan mental di seluruh dunia melibatkan golongan muda, UiTM mengambil langkah proaktif menangani isu tersebut dengan menghasilkan sebuah buku yang bertujuan untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada petugas yang terlibat dalam pemberian perkhidmatan rawatan, bantuan dan sokongan kepada warga Universiti yang memerlukan khususnya pelajar yang mengalami masalah kesihatan mental.

Buku ini adalah inisiatif Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) menerusi Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan Mental UiTM dan merupakan salah satu KPI HEP UiTM 2021-2025 (PI050), iaitu pelaksanaan program berkaitan kesejahteraan emosi. Buku ini mengandungi tiga bahagian utama merangkumi maklumat ringkas berkaitan Pelan Tindakan Kesihatan Mental UiTM, Prosedur Pelaksanaan Pengurusan Kes Kesihatan Mental di UiTM mengikut bahagian serta lampiran yang diperlukan semasa pelaksanaan pengurusan pelajar. Dokumen ini diharapkan dapat menjelaskan proses kerja petugas di setiap bahagian dan unit yang terlibat dalam pengendalian pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental agar lebih cekap, teratur dan berkesan seterusnya mampu mempertingkatkan kualiti perkhidmatan rawatan, bantuan dan sokongan pesakit.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menghasilkan buku ini. Tahniah dan syabas diucapkan atas usaha padu dan sinergi yang ditampilkan oleh semua pihak khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar melibatkan Pusat Kesihatan, Pusat Kerjaya dan Kaunseling, Pusat Residensi dan Hospitaliti Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, Hospital Al-Sultan Abdullah, Bahagian Hal Ehwal Islam dan Pejabat Polis Bantuan.

Saya amat berharap agar penerbitan buku ini akan membantu memastikan kesinambungan dan kelancaran pengendalian dan pengurusan kes kesihatan mental di UiTM di samping memastikan segala hak pesakit dan komuniti sekeliling dijaga dan diberi jaminan melalui perundangan.

Sekian, terima kasih.



Prakata III

Profesor Datin Dr. Suzana binti Sulaiman

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa
Universiti Teknologi MARA




Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan khususnya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan Mental UiTM dan semua individu yang telah bersama-sama membantu dan memberi sokongan penuh dalam usaha penerbitan buku *Pengendalian dan Pengurusan Kesihatan Mental Pelajar*.

Mahasiswa Universiti adalah pemangkin dan merupakan antara aset terpenting dalam pembangunan negara untuk meneruskan legasi kepimpinan pada masa hadapan. Justeru, kesihatan dan kesejahteraan mental mahasiswa yang baik amat penting dalam mempengaruhi dan memastikan emosi, pemikiran, pembelajaran, komunikasi, interaksi, daya tahan dan keyakinan diri yang positif. Pensyarah selaku pendidik paling rapat dengan mahasiswa memainkan peranan penting dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan mental dan sosial anak didik mereka.

Sehubungan itu, penerbitan buku ini amat bertepatan dengan agenda UiTM untuk menjadi universiti berprestasi tinggi yang menyediakan ekosistem yang konstruktif dan lengkap kepada pelajar dan pensyarah supaya mereka mempunyai minda yang sihat dan sejahtera serta mampu bersaing di peringkat global.

Buku ini diharap dapat membantu pelajar dan pensyarah khususnya dalam memberikan panduan dan maklumat bagi menghubungi bahagian yang berkaitan dan seterusnya memastikan mahasiswa yang memerlukan mendapat rawatan, bantuan dan sokongan dengan cekap, komprehensif dan berkesan. Semoga usaha murni ini akan membantu merealisasikan hasrat UiTM untuk melahirkan graduan yang sihat fizikal dan mental serta mampu mencapai kecemerlangan, berupaya untuk mengembangkan ilmu dan menyumbang kepada pembangunan diri, masyarakat dan negara.

Sekian terima kasih.



Penghargaan

PENASIHAT	
Profesor Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam	Profesor Dr. Haidar Dziyauddin Mantan Penasihat Undang-Undang Pejabat Penasihat Undang-undang UiTM Shah Alam
Dr. Shairul'azam Sahar Pengarah Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam	Wan Noraini Wan Yusof Pengarah Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam
Prof. Madya Dr. Suriyani Ariffin Pengarah Pembangunan Akademik Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Shah Alam	Prof. Madya Dr. Salmi Razali Pakar Perunding Perubatan Psikiatri Ketua Jabatan Psikiatri [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam
Dr. Nurfazlinda Md. Shah Pakar Perubatan Kesihatan Awam Ketua Unit Kesihatan Awam Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam	Prof. Madya Dr. Siti Fatimah Badlishah Sham Pakar Perunding Perubatan Keluarga Ketua Jabatan Perubatan Primer [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam
Prof. Madya Ts. Dr. Roslinda Alias Pengarah Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya UiTM Shah Alam	Prof. Madya Dr. Shahsuzan Zakaria Pengarah Pembangunan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam
Dr. Aimi Nadia Mohd. Yusof Ketua Jabatan Jabatan Etika dan Undang-undang Perubatan [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam	
PENYEDIA DOKUMEN	
Pengurusan Fakulti & Kolej Pengajian	
Prof. Madya Dr. Suriyani Ariffin Pengarah Pembangunan Akademik Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Shah Alam	Prof. Madya Dr. Siti Hafsyah Idris Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Jaringan Industri) Fakulti Undang–Undang UiTM Shah Alam
Prof. Ts. Dr. Azlina Idris Dekan Hal Ehwal Pelajar Kolej Pengajian Kejuruteraan UiTM Shah Alam	Prof. Madya YM Dr. Raja Razuan Raja Deris Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Sains Gunaan UiTM Shah Alam



Prof. Dr. Amer Shakir Zainol Dekan Hal Ehwal Pelajar Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Shah Alam	Prof. Madya Dr. Zainuddin Ibrahim Ketua Pembangunan Penyampai dan Pembelajaran Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Shah Alam
Ts. Dr. Ahmad Razi Ramli Ketua Pembangunan Kapasiti Akademik Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Shah Alam	Romizan Jathin Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Sains Kesihatan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
Pengurusan Kolej Kediaman	
Ts. Dr. Noradzhar Baba Pengerusi Majlis Pengetua Kolej Kediaman UiTM Shah Alam	Hjh. Ikhwana Hj. Misnan Pengarah Pusat Residensi dan Hospitaliti Pelajar UiTM Shah Alam
Hisyam Che Mat Pengetua Unit Pengurusan <i>Non-Resident</i> UiTM Shah Alam	Dr. Firdaus Mohamad Pengetua Kolej Kediaman Seroja dan Meranti UiTM Shah Alam
Amizar Mohd. Amin Pengurus Asrama Kanan Pusat Residensi dan Hospitaliti Pelajar UiTM Shah Alam	
Pengurusan Psikologikal	
Wan Noraini Wan Yusof Pengarah Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam	Hj. Sulaiman Selamat Ketua Unit Kerjaya dan Kaunseling Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
Roslinda Mohd. Subbian Timbalan Pegawai Psikologi Kanan Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam	Rosdi Ali Timbalan Pegawai Psikologi Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam
Salwani Ibrahim Timbalan Pegawai Psikologi Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam	Masrina Abdul Halim Pegawai Psikologi Kanan Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam
Azila Bakri Pegawai Psikologi Kanan Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	Nurfatihah Aziz Pegawai Psikologi Kanan Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam
Wan Nurhashima Wan Sahid Pegawai Psikologi Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam	Muhammad Iman Hafeez Mukhatar Pegawai Psikologi Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam
Amirah Zulaikha Zafrul Azlan Pegawai Psikologi Klinikal Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	



Pengurusan Kesihatan Primer & Perubatan	
Dr. Shairul'azam Sahar Pengarah Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam	Dr. Nurfazlinda Md. Shah Pakar Perubatan Kesihatan Awam Ketua Unit Kesihatan Awam Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam
Prof. Madya Dr. Siti Fatimah Badlishah Sham Pakar Perunding Perubatan Keluarga Ketua Jabatan Perubatan Primer [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam	Prof. Madya Dr. Ilham Ameera Ismail Pakar Perunding Perubatan Keluarga Jabatan Perubatan Primer [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam
Dr. Wan Rafidah Zawani Wan Ali Ketua Unit Kesihatan Awam Unit Kesihatan UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam	Dr. Dzulkifli Sahlan Ketua Unit Perubatan Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam
Dr. Norhazlina Hashim Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam	Rokiah Haming Sumpa (Matron) Penyelia Jururawat Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam
Maznah Abdul Jalil Ketua Jururawat Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam	
Pengurusan Keselamatan	
DSP/PB Zakaria Ishak Ketua Polis Bantuan Ibu Pejabat Polis Bantuan UiTM Shah Alam	DSP/PB Sokri Sulaiman Timbalan Ketua Polis Bantuan (Operasi) Ibu Pejabat Polis Bantuan UiTM Shah Alam
ASP/PB Mohd Zaidi Razali Timbalan Ketua Polis Bantuan (Pentadbiran) Ibu Pejabat Polis Bantuan UiTM Shah Alam	ASP/PB Khairul Azman Abu Bakar Ketua Pejabat Polis Bantuan Pejabat Polis Bantuan Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam
Insp/ PB Mahfuzah Md Saleh Pegawai Keselamatan Ibu Pejabat Polis Bantuan UiTM Shah Alam	
Pengurusan Hospital	
Prof. Madya Dr. Salmi Razali Pakar Perunding Perubatan Psikiatri Ketua Jabatan Psikiatri [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam	Dr. Mohammad Fitri Zainuddin Pegawai Perubatan Pakar (Psikiatri) Jabatan Psikiatri [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam



Pengurusan Spiritual	
Haji Hanafi Haji Hamdani Ketua Timbalan Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM Shah Alam	Haji Lufti Fauzi Haji Sabari Timbalan Pendaftar Kanan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
Puaad Osman Penolong Pendaftar Kanan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban	Noor Rashidah A. Rahman Penolong Pendaftar Kanan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
Izwaniyati Ibrahim Penolong Pendaftar Kanan Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban	Nurul Afidah Awang Penolong Pendaftar Kanan Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM Shah Alam
Muhammad Najih Irsyad Ahmad Puhad Penolong Pendaftar Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh	Mohd. Abdul Aziz Idris Pegawai Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Islam UiTM Shah Alam

PENYEMAK MODUL	
Prof. Madya Dr. Mohd Amin Mohd Mokhtar Pakar Perunding Kecemasan Ketua Jabatan Kecemasan [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam	Prof. Madya Dr. Shahsuzan Zakaria Pengarah Pembangunan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam
Dr. Rozaidah binti Jaafar Pakar Perunding Perubatan Psikiatri Ketua Jabatan Psikiatri Jabatan Psikiatri Hospital Shah Alam	Datin Dr. Ranjini A/P Sivaganabalan Pakar Perunding Perubatan Kecemasan Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Shah Alam
Dr. Aimi Nadia Mohd. Yusof Ketua Jabatan Jabatan Etika dan Undang-undang Perubatan [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam	Dr. Azah Abdul Samad Pakar Perunding Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Seksyen 7 Shah Alam
Dr. Mohd. Bahrin Othman Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Fakulti Undang-Undang UiTM Shah Alam	Dr. Yusri Salleh Ketua Unit Kesihatan UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah
Dr. Rosmawati Abd. Wahab Ketua Unit Kesihatan UiTM Cawangan Perlis Kampus Arau	Dr. Kamaruddin Jaraee Ketua Unit Kesihatan UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan
DSP/PB Sokri Sulaiman Timbalan Ketua Polis Bantuan (Operasi) Ibu Pejabat Polis Bantuan UiTM Shah Alam	



SEKRETARIAT	
Dr. Nurfazlinda Md Shah (Ketua) Pakar Perubatan Kesihatan Awam Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam	Prof. Madya Dr. Salmi Razali Pakar Perunding Perubatan Psikiatri Ketua Jabatan Psikiatri [Fakulti Perubatan] Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM Puncak Alam
Prof. Madya Dr. Siti Hafsyah Idris Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Jaringan Industri) Fakulti Undang–Undang UiTM Shah Alam	Wan Ahmad Rahiman Wan Ab Rahim Timbalan Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Shah Alam
Rokiah Haming Sumpa (Matron) Penyelia Jururawat Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam	Fadhliana Baharin Ketua Jururawat Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam
Rafidah Yahya @ Abd Majid Setiausaha Pejabat Kanan Pejabat Timbalan Naib Canselor HEP UiTM Shah Alam	Muhammad Iman Hafeez Mukhatar Pegawai Psikologi Pusat Kerjaya dan Kaunseling UiTM Shah Alam
Norhanisah Sadiman Kerani Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam	Mohamad Hafiz Suhami Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Pusat Kesihatan UiTM Shah Alam



Singkatan

SINGKATAN	DEFINISI
AKP	Akuan Kerahsiaan Pelajar
BHEA	Bahagian Hal Ehwal Akademik
BHEI	Bahagian Hal Ehwal Islam
BHEP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
ERT	<i>Emergency Response Team</i> (Pasukan Tindakan Kecemasan)
ED	<i>Emergency Department</i> (Jabatan Kecemasan)
GAD	<i>Generalized Anxiety Disorder</i>
GHQ	<i>General Health Questionnaire</i>
GL	<i>Guarantee Letter</i> (Surat Jaminan)
JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKKP	Ketua Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar
KPB	Ketua Polis Bantuan
MA	<i>Medical Assistant</i> (Penolong Pegawai Perubatan)
MRK	Maklum balas Rawatan Komprehensif
Mt	<i>Matron</i> (Penyelia Jururawat)
MC	<i>Micro Credential</i>
MO	<i>Medical Officer</i> (Pegawai Perubatan)
MOOC	<i>Massive Open Online Course</i>
NR	<i>Non-Resident</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PA	Pemandu Ambulans
Pg	Pengadu
PB	Polis Bantuan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PegAK	Pegawai Akademik
PegKK	Pegawai Kolej Kediaman dan <i>Non-Resident</i> (NR)
PegKK (AM)	Pegawai Kolej Kediaman/NR (Bertugas 8:00 pagi hingga 5:00 petang)
PegKK (PM)	Pegawai Kolej Kediaman/NR (Bertugas 5:00 petang hingga 8:00 pagi)
PegPB	Pegawai Polis Bantuan
PHQ	<i>Patient Health Questionnaire</i>
PK	Pusat Kesihatan
PKK	Pusat Kerjaya dan Kaunseling
PPI	Pengamal Perubatan Islam



PPII	Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur
PPsi	Pegawai Psikologi
PPsiK	Pegawai Psikologi Klinikal
PRek	Penolong Rektor
PRHP	Pusat Residensi dan Hospitaliti Pelajar
PTj	Pusat Tanggungjawab
SDG	<i>Sustainable Development Goal</i> (Matlamat Pembangunan Mampan)
Sr	<i>Sister</i> (Ketua Jururawat)
SN	<i>Staff Nurse</i> (Jururawat)
Sp	<i>Medical Specialist</i> (Pakar Perubatan)
SRK	Staf Residen Kolej
TD HEP	Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar)
Trek HEP	Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar)
UHEI	Unit Hal Ehwal Islam
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UK	Unit Kesihatan
UKK	Unit Kerjaya dan Kaunseling
UPK	Unit Pengurusan Kolej
UPO	Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya (OKU)
UPKP	Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar
URHP	Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar



1

PENGENALAN



1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organization* (WHO) menganggarkan satu dalam empat individu mengalami gangguan mental pada satu-satu ketika dalam kehidupan. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 di Malaysia mendapati lebih kurang 4.2 juta rakyat Malaysia berusia 16 tahun ke atas atau 29.2% populasi negara menghadapi pelbagai masalah mental dengan peningkatan sebanyak 11.2% berbanding tahun 2006. Tinjauan pada tahun 2019 melaporkan bahawa hampir setengah juta penduduk Malaysia mengalami gejala kemurungan. Tinjauan terkini pada tahun 2022 melaporkan peningkatan prevalen kemurungan dalam kalangan remaja sebanyak 26.9% berbanding 17.7% pada tahun 2012 dengan 13.1% melaporkan mempunyai idea untuk membunuh diri.

Menyedari hakikat ini, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTM Shah Alam mengambil inisiatif untuk mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan Mental UiTM pada tahun 2019 untuk menyelaraskan perkhidmatan kesihatan mental di UiTM bagi memastikan warga Universiti yang mengalami masalah kesihatan mental dapat menerima rawatan dengan lebih mudah, menyeluruh dan efisien. Seterusnya, stigma juga dapat dikurangkan dan kualiti hidup dapat dipertingkatkan. Objektif utama penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk membantu melahirkan warga UiTM yang sihat dan seimbang dalam segala aspek termasuk kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pemberian perkhidmatan kesihatan primer meliputi usaha promosi kesihatan mental dan pencegahan masalah psikososial; perkhidmatan sekunder meliputi usaha pengesanan dan pemberian rawatan awal kes kecelaruan mental dan perkhidmatan tertiar melalui usaha pencegahan komplikasi, pemulihan dan sokongan pesakit dengan melibatkan kerjasama dan penglibatan pelbagai sektor dalam dan luar UiTM.

Jawatankuasa ini merangka pelan tindakan pengendalian kes kesihatan mental melibatkan warga Universiti berasaskan pendekatan intervensi bersepadu merangkumi empat komponen utama yang mempengaruhi kesihatan iaitu biologikal, psikologikal, sosial dan spiritual. *Pengendalian dan Pengurusan Kesihatan Mental Pelajar* ini telah dihasilkan dengan melibatkan pelbagai bahagian bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh; antaranya Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI), Pusat Residensi dan Hospitaliti Pelajar (PRHP), Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM, Pejabat Polis Bantuan dan Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya (OKU).

Garis panduan pertama iaitu Garis Panduan Umum Pengendalian Kes Kesihatan Mental di UiTM telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Eksekutif Universiti Bil 09/2020 pada 8 April 2020. Seterusnya, garis panduan terkini yang diwujudkan khusus mengikut Bahagian/ Pusat Tanggungjawab masing-masing telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Eksekutif Universiti Bil 01/2024 pada 17 Januari 2024. Semakan dan penambahbaikan berterusan garis panduan dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan garis panduan yang digunakan kekal relevan, memenuhi kehendak pelanggan dan mampu menangani cabaran semasa demi memastikan kesejahteraan warga.



1.2 OBJEKTIF

Tujuan utama garis panduan:

- I. menyelaraskan pelaksanaan perkhidmatan berkaitan kesihatan mental warga UiTM oleh semua Pusat Tanggungjawab di UiTM yang terlibat dalam usaha memastikan warga yang mengalami masalah kesihatan mental dapat menerima rawatan, bantuan dan sokongan dengan mudah, menyeluruh, efisien, stigma dapat dikurangkan dan kualiti hidup dapat dipertingkatkan;
- II. mewujudkan sebuah dokumen garis panduan pengendalian kes kesihatan mental di UiTM dengan merujuk kepada pendapat pakar berkaitan untuk memastikan dokumen yang terkini, lengkap, menyeluruh, berkualiti serta boleh diguna pakai dan dijadikan rujukan oleh semua pihak berkepentingan;
- III. meningkatkan kesedaran warga UiTM mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mental dan langkah-langkah pencegahan penyakit yang perlu diambil melibatkan empat komponen utama yang mempengaruhi kesihatan iaitu biologiikal, psikologiikal, sosial dan spiritual;
- IV. membina rangkaian kerjasama antara semua pihak berkepentingan dalam pengurusan kesihatan mental sama ada di dalam atau luar UiTM untuk sentiasa berkomunikasi, bertukar pandangan dan pendapat bagi memastikan kerjasama padu dan mantap dalam mengendalikan kes demi kesihatan dan kesejahteraan pelajar; dan
- V. mendukung agenda *Globally Renowned University* (GRU) 2025 UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025 melalui mahasiswa yang sihat dan mampu bersaing pada peringkat antarabangsa seterusnya menyokong Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goal* (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan.

1.3 PELAN TINDAKAN KESIHATAN MENTAL UiTM

Pelan Tindakan Kesihatan Mental Universiti Teknologi MARA diwujudkan bagi menangani masalah peningkatan kes kesihatan mental dalam kalangan warganya. Pelan ini disediakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan Mental UiTM melibatkan pakar-pakar perubatan dan kesihatan dengan mengambil kira pandangan daripada pihak-pihak berkepentingan termasuklah agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia dan badan-badan profesional.

Garis panduan yang dikemas kini ini merupakan semakan, pindaan dan penambahbaikan yang diluluskan oleh Majlis Eksekutif Universiti Bil 01/2024 pada 17 Januari 2024 daripada edisi pertama yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan Mental UiTM yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Eksekutif Universiti Bil 09/2020 pada 8 April 2020.



1.3.1 ASAS PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN

Strategi menangani masalah kesihatan mental ini menggunakan pendekatan melibatkan tiga komponen utama, iaitu pencegahan primer, pencegahan sekunder dan pencegahan tertieri (Rajah 1) sejajar dengan pelaksanaan di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Penyediaan buku ini merupakan salah satu inisiatif pengurusan di bawah skop pencegahan sekunder melibatkan aspek pengurusan kes bagi tujuan pengesanan dan pemberian rawatan awal kes yang cekap, komprehensif dan berkesan.



Rajah 1: Asas pelaksanaan Pelan Tindakan Kesihatan Mental UiTM

Strategi pelan tindakan pihak Universiti untuk menangani masalah kesihatan mental di UiTM ini dirangka berasaskan tiga peringkat pendekatan iaitu (i) peringkat pertama atau primer yang melibatkan pelaksanaan aktiviti pencegahan penyakit; (ii) peringkat kedua atau sekunder yang melibatkan pelaksanaan aktiviti pengesanan dan rawatan awal penyakit; dan (iii) peringkat ketiga atau tertieri yang melibatkan pelaksanaan pemberian rawatan pakar dan rehabilitasi. Pelan tindakan ini adalah menyeluruh dan dirangka bertujuan untuk meningkatkan tadbir urus serta memastikan ketersediaan perkhidmatan kesihatan mental yang komprehensif disokong oleh fasiliti perkhidmatan, keupayaan kakitangan dan kualiti kepakaran di UiTM.

Asas pelaksanaan pelan tindakan ini diuraikan dengan lebih lanjut di bawah:

I. Peringkat I: Pencegahan Primer (Primary)

Pencegahan primer merangkumi skop pelaksanaan aktiviti yang menyasarkan semua warga Universiti tanpa mengira status kesihatan mereka bagi tujuan pencegahan penyakit. Antara aktiviti dilaksanakan adalah seperti berikut:



- melibatkan proses mewujudkan polisi dan garis panduan pengendalian langkah pencegahan menangani masalah kesihatan mental;
- mewujudkan program primer utama pencegahan masalah kesihatan mental iaitu Modul Kesihatan dan Kesejahteraan Pelajar bertujuan memperkasakan minda dan kesihatan untuk semua pelajar;
- menganjurkan program promosi dan pendidikan kesihatan mental; dan
- mewujudkan kerjasama antara bahagian/ agensi dalam dan luar UiTM untuk menganjurkan program pencegahan masalah kesihatan mental.

II. Peringkat II: Pencegahan Sekunder (*Secondary*)

Pencegahan sekunder dirangka menyasarkan individu yang telah mengalami masalah kesihatan mental bagi tujuan bantuan dan rawatan awal. Antara aktiviti dilaksanakan adalah seperti berikut:

- mewujudkan polisi dan garis panduan pengendalian pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental;
- mewujudkan kerjasama antara bahagian/ agensi dalam dan luar UiTM untuk memberikan perkhidmatan komprehensif kepada pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental;
- memastikan pengesanan awal masalah dan pemberian rawatan awal untuk warga UiTM yang mengalami masalah kesihatan mental; dan
- membuat promosi dan makluman kaedah mendapatkan rawatan dan bantuan kepada yang memerlukan.

III. Peringkat III: Pencegahan Tertiri (*Tertiary*)

Pencegahan tertiri dirangka menyasarkan individu yang disahkan mengalami masalah kesihatan mental dan sedang menjalani terapi dan rawatan agar mematuhi preskripsi diberikan dan menerima bantuan sewajarnya. Peringkat ini dilaksanakan bagi tujuan pencegahan komplikasi seterusnya membolehkan mereka menjalani kehidupan yang sejahtera. Antara aktiviti dilaksanakan adalah seperti berikut:

- mewujudkan polisi dan garis panduan pencegahan komplikasi bagi pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental;
- mewujudkan program memastikan pesakit mental di UiTM patuh kepada pengambilan rawatan dan janji temu ditetapkan;
- mewujudkan program mengesan pesakit yang tidak patuh janji temu (*defaulter tracing*); dan
- membantu dalam pelaksanaan program rehabilitasi pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental dan sedang dalam proses rawatan.

1.3.2 INTERVENSI BERSEPADU

Kerjasama dan kolaborasi antara pelbagai organisasi di dalam dan luar UiTM dalam pengurusan kes kesihatan mental di UiTM amat penting. Sehubungan itu, intervensi bersepadu antara bahagian-bahagian dan unit-unit terlibat diwujudkan bagi memastikan pelajar dapat diberikan rawatan yang optimum dan berkualiti.



Semua bahagian terlibat dalam urusan pengendalian pesakit bekerjasama merancang pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan dalam Pelan Tindakan ini bertujuan untuk memastikan pesakit mendapat rawatan yang berkualiti dan stigma dapat dikurangkan. Kerjasama ini melibatkan beberapa Pusat Tanggungjawab mengikut fungsi tugas seperti berikut (Rajah 2):

Pengurusan Rawatan dan Terapi

- Pusat/ Unit Kesihatan, Bhg. Hal Ehwal Pelajar UiTM
- Pusat/ Unit Kerjaya dan Kaunseling, Bhg. Hal Ehwal Pelajar UiTM
- Bahagian/ Unit Hal Ehwal Islam UiTM
- Jabatan Psikiatri, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM
- Jabatan Perubatan Primer, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM


Pengurusan Sokongan Pengendalian Pesakit

- Pejabat Polis Bantuan UiTM
- Pusat/ Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar, Bhg. Hal Ehwal Pelajar UiTM
- Kolej Pengajian/ Fakulti/ Pusat Akademik, Bhg Hal Ehwal Akademik UiTM

Pengurusan Sokongan Sosial dan Bantuan

- Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM
- Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM
- Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya (OKU) UiTM

Pengendalian kes kesihatan mental merupakan satu isu yang kompleks melibatkan pelbagai pihak dan proses serta berkait rapat dengan pelbagai isu perundangan. Perancangan dan pelaksanaan pelan tindakan ini sentiasa merujuk kepada ketetapan dan persetujuan daripada Pejabat Penasihat Undang-undang UiTM dan Jabatan Etika dan Undang-undang Perubatan UiTM dalam usaha untuk memastikan warga UiTM yang mengalami masalah kesihatan mental menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan efisien serta dijamin melalui perundangan.



Rajah 2: Intervensi Bersepadu Pemberian Rawatan dan Terapi bagi Kes Kesihatan Mental di UiTM

1.4 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua staf dan pelajar Universiti Teknologi MARA di seluruh Malaysia. Garis panduan ini perlu diguna pakai bersama dengan segala peraturan kerajaan dan UiTM sedia ada yang berkenaan.



2

DEFINISI ISTILAH



ISTILAH	DEFINISI
Aduan	Apa juga maklumat yang disampaikan sama ada dalam bentuk bertulis melalui telefon, aplikasi <i>WhatsApp</i> , secara bersemuka sama ada secara lisan dan ditulis kembali mahupun tulisan berbentuk laporan aduan kepada Polis Bantuan
Analisa	Membuat penilaian tahap situasi dan keadaan kes di tempat kejadian terkawal/ tidak terkawal/ berbahaya
Anggota Polis Bantuan	Pegawai yang diberi kuasa oleh pihak Universiti untuk memastikan keselamatan dalam kawasan kampus di bawah Akta Polis 1967
Agresif	Individu yang menunjukkan tingkah laku menyerang atau ganas atau mencederakan diri atau orang lain atau mengancam keselamatan diri dan boleh menyebabkan kemudaratan serius kepada diri sendiri dan orang lain
Borang Akta Kesihatan Mental	Borang yang tertakluk mengikut Undang-undang Malaysia; Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615]
Borang Akuan Kerahsiaan Pelajar (AKP)	Borang ditandatangani oleh pelajar yang bersetuju membenarkan perkongsian maklumat kesihatan kepada pihak berkaitan bagi tujuan perawatan dan kenyataan akuan memastikan kerahsiaan pelajar oleh pihak yang menguruskan kes kecelaruan mental
Borang Maklum Balas Rawatan Komprehensif (MRK)	Borang digunakan untuk tujuan komunikasi perkongsian maklumat kesihatan pelajar daripada pihak yang merawat/ melaksanakan intervensi kepada pihak yang menguruskan pelajar (Pusat Residensi dan Hospitaliti Pelajar dan pengurusan Kolej Pengajian/ Fakulti/ Pusat Akademik)
Discaj	Proses pesakit dibenarkan daftar keluar dari wad hospital
Dispensi Ubat Bersepadu	Kerjasama di antara farmasi hospital yang merawat dengan pusat kesihatan/ unit kesihatan dalam menyediakan bekalan ubat-ubatan psikotropik kepada pelajar; membolehkan pelajar untuk mendapatkan bekalan ubatan susulan di pusat kesihatan/ unit kesihatan jika kesihatan mental staf/ pelajar stabil tetapi masih memerlukan ubat-ubatan
Gangguan Makhluk Halus	Satu bentuk gangguan terhadap pesakit dari segi perasaan, kesihatan dan tingkah laku dengan gejala dan tanda yang tidak dapat dikesan puncanya oleh Perubatan Alopati [klinikal]; (definisi menurut <i>Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam</i> , KKM)
Guarantee Letter	Surat Jaminan atau Akuan Kemudahan Rawatan Perubatan yang diberikan kepada penerima rawatan perubatan di fasiliti kesihatan kerajaan bagi tujuan pembayaran perkhidmatan oleh pihak Universiti
Histeria	Satu bentuk gangguan makhluk halus yang mengakibatkan gangguan emosi dan kelakuan yang tidak dapat dikawal (definisi menurut <i>Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam</i> , KKM); dari sudut saintifik, manifestasi histeria adalah sebahagian dari simptom penyakit mental seperti <i>dissociative disorders</i> dan <i>conversion disorder</i>
Hospital Belum Warta	Hospital yang merawat pesakit mental dengan kemasukan secara sukarela; belum menerima pewartaan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menerima kes-kes tidak sukarela mengikut Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615]



Hospital Telah Warta	Hospital yang telah menerima pewartaan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menerima dan merawat kes-kes pesakit mental secara tidak sukarela mengikut Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615]
Intervensi	Proses memberi rawatan, terapi dan bantuan secara teratur dan mengikut prosedur tertentu
Iring/ Eskot Pelajar	Iring/ eskot pelajar bersama-sama staf UiTM yang terlibat ke hospital; bagi kes yang dirujuk untuk menerima rawatan lanjut oleh pihak pakar perubatan psikiatri
Kawalan Tempat Kejadian	Anggota Polis Bantuan perlu memastikan tempat kejadian dalam keadaan selamat dan terkawal serta individu yang tidak berkenaan tidak berada di lokasi kejadian
Kawasan/ Tempat Umum	Kawasan umum dalam universiti yang tidak berada di bawah Pusat Tanggungjawab khusus contohnya premis makanan, padang bola dan perhentian bas
Kecelaruan Mental	Gangguan atau keadaan mental yang dialami oleh seseorang sehingga tingkah laku, tumpuan, pertuturan, pemikiran, ingatan, dan persepsinya terjejas; seterusnya mengganggu kebolehpayaan individu berfungsi dari sudut sosial, pembelajaran, pekerjaan dan fungsi-fungsi lain dalam kehidupan sehariannya
Kemurungan	Gangguan emosi/ perasaan yang menyebabkan seseorang itu merasa sedih yang berpanjangan, keletihan dan ketiadaan tenaga, cepat marah serta hilang minat dalam aktiviti seharian, berfikiran negatif, putus asa, rasa tidak berguna dan rasa bersalah yang melampau
Keresahan	Perasaan bimbang, resah dan gelisah di mana seseorang akan berasa tertekan, tegang, berpeluh, berdebar-debar dan berasa takut melampau akan bahaya yang mereka tidak ketahui puncanya
Kesihatan Mental	Keadaan kesejahteraan di mana seseorang individu menyedari keupayaan/potensi sendiri, dapat mengendalikan tekanan normal kehidupan dengan baik, boleh bekerja secara produktif dan mampu menyumbang kepada masyarakat [definisi menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)]
Kesihatan Primer	Pelaksanaan aktiviti pendidikan dan penjagaan kesihatan asas berdasarkan sains dan teknologi yang praktikal, dapat diterima dan mudah didapati oleh individu atau komuniti dengan sepenuhnya dari Pusat/ Unit Kesihatan Universiti, Klinik Kesihatan dan Pusat/Unit Kaunseling; menasaskan semua warga Universiti tanpa mengira status kesihatan mereka bagi tujuan pencegahan penyakit
Kesihatan Sekunder	Pengesanan dan rawatan penyakit mental di peringkat Pusat/ Unit Kesihatan atau Klinik Kesihatan oleh Pegawai Perubatan/ Pakar Perubatan Keluarga; menasaskan individu yang telah mengalami masalah kesihatan mental bagi tujuan bantuan dan rawatan awal
Kesihatan Tertiar	Rawatan penyakit mental di Hospital/ Klinik Pakar di peringkat hospital yang mempunyai kepakaran psikiatri; menasaskan individu yang telah disahkan mengalami masalah kesihatan mental bagi tujuan memastikan pematuhan kepada rawatan dan pencegahan komplikasi
Klien	Pelajar berdaftar di UiTM yang mengalami gangguan atau kecelaruan mental dan dirujuk kepada pegawai psikologi



Komunikasi	Hubungan pertukaran maklumat dua hala antara pihak Universiti yang menguruskan kes dan pihak yang memberikan perkhidmatan terapi/ rawatan kepada pelajar yang mengalami masalah kesihatan mental
Makhluk Halus	Sebahagian daripada makhluk Allah SWT seperti jin dan syaitan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar (definisi menurut <i>Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam</i> , KKM)
Orang Awam	Individu selain daripada warga UiTM
Pegawai Akademik	Staf akademik atau staf pentadbiran yang menguruskan pelajar yang mengalami masalah kesihatan mental di Kolej Pengajian/ Fakulti atau Akademi (termasuk Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dekan Hal Ehwal Pelajar, Ketua Kebajikan dan Kesejahteraan Pelajar, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Penolong Rektor, Penolong Pendaftar, Pegawai Eksekutif)
Pegawai Kolej Kediaman/ Non Residen	Pengetua, Staf Residen Kolej, Pengurus Asrama, Penolong Pengurus Asrama, Penyelia Asrama dan semua Staf Pelaksana Kolej Kediaman yang menguruskan pelajar yang mengalami masalah kesihatan mental di Kolej Kediaman atau Kediaman Pelajar Non Residen
Pegawai Pengiring	Staf PTj yang mengiringi pelajar ke Hospital
Pegawai Perubatan	Pegawai Perubatan yang bertugas di Pusat/ Unit Kesihatan/ Hospital/ Klinik
Pegawai Psikologi	Pegawai yang terlatih dan berkelayakan dalam bidang kaunseling/ psikologi yang dilantik berkhidmat di Pusat/ Unit Kerjaya dan Kaunseling
Pengamal Perubatan Islam	Pengamal Perubatan Islam yang mempunyai surat perakuan dalam amalan pengubatan Islam daripada pihak yang berautoriti (Badan Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari)
Pengurusan Tinggi Kampus	Individu mewakili pihak pengurusan tertinggi Universiti atau kampus cawangan melibatkan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Rektor Kampus dan Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar
Pensyarah	Tenaga pengajar yang bertugas di UiTM
Penyakit Mental	Penyakit-penyakit yang diklasifikasikan dalam <i>Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fifth Edition Text Revision</i> (DSM-5-TR)
Penyelamat	Anggota Polis Bantuan di tempat kejadian yang menyelamatkan pelajar daripada situasi yang merbahaya mengikut tahap kategori kes: (terkawal/ tidak terkawal/ merbahaya)
Pesakit Mental	Individu yang disahkan oleh pakar perubatan psikiatri/ pegawai perubatan sebagai mengalami salah satu dari penyakit mental seperti yang diklasifikasikan dalam <i>Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders Fifth Edition Text Revision</i> (DSM-5-TR)
Pihak Keselamatan	Pegawai atau staf Pejabat Polis Bantuan yang bertanggungjawab melaksanakan dan memastikan kawalan keselamatan dalam kampus
Pusat Islam/ Unit Agama	Bahagian yang menyediakan khidmat runding cara keagamaan/ kerohanian



Red Alert	Situasi kejadian yang mencemaskan, tidak terkawal (seperti bersenjata dan berisiko untuk ditangani oleh Polis Bantuan) dan memerlukan tindakan segera penyelamatan secara menyeluruh melibatkan pihak berkuasa luar (seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Polis Diraja Malaysia) dengan sokongan jabatan berkaitan di UiTM (seperti Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur, Pusat/ Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar, Pusat/ Unit Kesihatan)
Rujuk Kes	Kes dirujuk kepada pihak-pihak berkaitan mengikut kategori kes
Sampuk	Gangguan kesihatan akibat rasukan makhluk halus (definisi menurut <i>Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam</i> , KKM)
Sedia Laporan	Kompilasi kenyataan, maklumat dan dokumen kes sebagai rekod dan dokumentasi bagi tujuan pelaporan kepada pihak pengurusan
Serah Pelajar	Serah pelajar kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya
Sihir/ Santau	Satu ilmu yang menghasilkan kesan luar biasa yang tidak dapat diterangkan puncanya secara logik (definisi menurut <i>Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam</i> , KKM)
Simptom	Tanda-tanda atau gejala yang ditunjukkan/ dizahirkan oleh seseorang individu dari segi pemikiran, pertuturan, perasaan atau tingkah laku yang boleh dikaitkan dengan sesuatu penyakit
Staf Pentadbiran	Pegawai atau staf yang bertugas di semua PTj
Tahap Status Kesihatan Mental Kes (3 kategori tahap)	I: Berat Manifestasi tanda-tanda penyakit mental yang berpotensi atau telah mencederakan diri sendiri, mencederakan orang lain atau tingkah laku yang agresif dan tingkah laku tidak terkawal II: Sederhana Manifestasi tanda-tanda penyakit mental yang ketara seperti psikosis, kemurungan, histeria dan penagihan dadah III: Ringan Manifestasi tanda-tanda penyakit mental yang mengganggu seperti keresahan (<i>anxiety</i>), fobia, dan gangguan personaliti
Tahap Risiko (3 kategori tahap)	I: Risiko Tinggi (Kecemasan) Risiko bunuh diri, mencederakan diri sendiri atau orang lain II: Risiko Sederhana (Keutamaan) Kebimbangan, kemurungan dan lain-lain masalah kecelaruan mental III: Risiko Rendah (Rutin) Kesukaran menguruskan masalah, mendapatkan rawatan dan program pembelajaran
Tidak stabil	Individu yang menunjukkan satu atau lebih simptom kecelaruan mental tahap berat dan berisiko tinggi
